

26 JUN 1997

DR MAHATHIR RASMI KONVENSYEN KE-4 UMNO SABAH OGOS INI

KOTA KINABALU, 26 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan Konvensyen Ke-4 Umno Sabah di sini Ogos ini, kata Setiausaha Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Yahya Hussin hari ini.

Beliau berkata seramai 2,000 anggota perwakilan dari 20 bahagian parti itu di negeri ini akan menghadiri konvensyen tiga hari bermula 15 Ogos itu yang akan membincangkan isu-isu politik, ekonomi dan pembangunan.

Sebanyak 22 wakil dari 20 bahagian dan Pergerakan Pemuda dan Wanita akan berucap dalam konvensyen itu yang juga bertujuan merapatkan hubungan antara pemimpin negeri dan peringkat bahagian, katanya.

Beliau berkata demikian pada persidangan berita di pejabat perhubungan Umno di sini selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa konvensyen berkenaan.

Yahya yang juga Menteri Perhubungan dan Kerja Raya Negeri berkata konvensyen itu juga akan memberi peluang kepada segenap lapisan pemimpin untuk berinteraksi dengan lebih dekat bagi menangani isu-isu semasa. --

BERNAMA

KG NMO